

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB PUAN NURUL IZZAH ANWAR
[LEMBAH PANTAI]**

TARIKH : 9 JUN 2014 (ISNIN)

SOALAN :

**Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai] minta PERDANA
MENTERI menyatakan dengan terperinci:-**

- (a) bilakah Kerajaan akan memenuhi janji untuk memansuhkan Akta Hasutan 1948; dan
- (b) adakah Kerajaan akan menggugurkan pertuduhan ke atas mendiang Karpal Singh yang disabitkan kesalahan di bawah akta tersebut.

JAWAPAN: **YB PUAN HAJAH NANCY SHUKRI**
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pada 11 Julai 2012, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyatakan hasrat Kerajaan untuk memansuhkan Akta Hasutan 1948 [atau *Akta 15*] dan menggantikannya dengan suatu Akta baru yang dikenali sebagai Akta Keharmonian Nasional.
2. Objektif Akta Keharmonian Nasional bukan sahaja untuk memperkasa undang-undang tetapi juga untuk mencari mekanisme yang dapat menentukan keseimbangan terbaik antara keperluan menjamin kebebasan bersuara yang terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan dan membolehkan tindakan undang-undang diambil terhadap mereka yang menggunakan isu-isu sensitif untuk memecahbelahkan perpaduan nasional, termasuklah penghinaan terhadap institusi diraja atau raja.
3. Bagi tujuan ini, Kerajaan kini sedang mendapatkan dan mengumpul pandangan serta maklum balas daripada semua pihak yang berkepentingan berhubung dengan peruntukan yang wajar dimasukkan ke dalam Akta Keharmonian Nasional tersebut.
4. Sehubungan dengan itu, tarikh sebenar pemansuhan Akta Hasutan 1948 masih belum dapat diputuskan pada masa ini memandangkan perkara tersebut masih sedang dalam kajian dan memerlukan penelitian daripada pelbagai aspek.

5. Penelitian dan kajian yang menyeluruh adalah penting bagi memastikan suatu undang-undang itu komprehensif dan dapat dilaksanakan dengan berkesan. Akta tersebut akan dimansuhkan apabila Rang Undang-Undang Keharmonian Nasional dibentangkan di Parlimen kelak.

6. Berhubung dengan pertuduhan ke atas Mendiang Karpal Singh, dimaklumkan bahawa pada 11 Mac 2014, mendiang telah didapati bersalah oleh Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur bagi kesalahan di bawah perenggan 4(1)(b) Akta Hasutan 1948 dan telah dijatuhkan hukuman denda RM4,000.

7. Mendiang Karpal Singh telah mengemukakan rayuan terhadap keseluruhan keputusan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur itu, manakala pihak Pendakwa Raya juga telah mengemukakan rayuan balas terhadap hukuman Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur tersebut.

8. Jabatan Peguam Negara akan terus mempertahankan sabitan yang telah diputuskan oleh Mahkamah terhadap mendiang kerana tiada sebarang alasan untuk membolehkan sabitan tersebut digugurkan.

Sekian, terima kasih.

DEWAN RAKYAT MALAYSIA
SOALAN LISAN

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]

TARIKH : 9 JUN 2014 (ISNIN)

SOALAN :

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan sejauh manakah projek mengatasi masalah banjir di Daerah Kerian, Negeri Perak yang sedang dijalankan akan menyelesaikan masalah banjir untuk kawasan-kawasan tepi Sungai Samagagah dan Sungai Kerian.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Sungai Kerian yang sepanjang 90 km merupakan antara sungai utama di Daerah Kerian. Ia bersempadanan dengan tiga buah negeri iaitu Perak, Pulau Pinang dan Kedah. Sungai Kerian merupakan saluran keluar utama yang meliputi kawasan tadahan seluas 1,418 km persegi.

Projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Lembangan Sungai Kerian akan memberi manfaat kepada 30,000 orang penduduk dalam aspek berikut:

- 1) Kerosakan infrastruktur dan harta benda akan dapat dikurangkan sehingga 70%;
- 2) Kerosakan terhadap hasil tanaman dapat dikurangkan; dan
- 3) Pengurangan luas kawasan banjir di sepanjang Sungai Kerian dan Sungai Samagagah sebanyak 80% iaitu dari 12,200 hektar kepada 2,400 hektar.

Sekian, terima kasih.